



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI ISNIN, 08 SYAABAN 1442 / 22 MAC 2021
(HARI KELAPAN)**

1. DOA SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

2.1.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan hala tuju anggaran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

2.1.2. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

- i. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit
 - Ingin mengetahui apakah prosedur yang dilakukan bagi mengimbangi antara meningkatkan pengeluaran industri perhutanan dengan sekatan pengambilan sumber-sumber hutan yang perlu dipertahankan.
 - Menyoalkan sekiranya telah dibuat kajian terhadap kayu-kayu jati yang tumbuh dengan subur dan jika ia mempunyai potensi komersial.
 - Menyoalkan jumlah pelaburan asing atau *Foreign Direct Investment* (FDI) dalam industri hiliran perhutanan.

- Menyoalkan tindakan pemuliharaan alam sekitar bagi memulihkan kemusnahan flora dan fauna selepas projek penerokaan hutan.
- Ingin mengetahui senarai terkini spesis binatang liar yang termasuk dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar.
- Ingin mengetahui tindakan Unit Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar bagi mengurangkan kadar kepupusan penyu.
- Menyoalkan berapakah statistik populasi pendaratan penyu.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin

- Mencadangkan kaedah pertanian moden untuk diperkenalkan.
- Mencadangkan bagi membukakan lebih banyak kawasan baru bagi aktiviti bertani dan menternak ikan.
- Menimbulkan mengenai sistem pemasaran tanpa perlu orang tengah, dan mencadangkan agar pameran produk tempatan untuk terus diadakan.
- Mencadangkan bagi mengadakan latihan kemahiran khususnya dalam penggunaan teknologi terkini sebagai contoh latihan bersepadu bagi buruh mahir dan separa mahir.
- Mencadangkan untuk dibuat kajian bagi mengenalpasti kawasan yang boleh dijadikan sebagai pusat pembiakkan ikan dan menubuhkan pusat penyelidikan bagi menghasilkan benih-benih yang berkualiti tinggi.
- Mencadangkan untuk menambah takat-takat tiruan dari tayar dan dinding batu serta bagi larangan aktiviti penangkapan ikan di kawasan-kawasan ternakan ikan.

iii. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad

- Menyoalkan status dan kejayaan projek 'Pertanian Mudah dan Murah' bagi belia menganggur dan projek 'Pertanian Mudah dan Murah' bagi yang kurang berkemampuan.
- Mencadangkan agar projek ini dilaratkan kepada orang ramai yang berminat, dengan menyewakan peralatan-peralatan yang diperlukan bagi meningkatkan produktiviti dan *food security* yang berkualiti.

iv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong

- Cadangan untuk mengadakan papan-papan tanda menuju ke tempat-tempat menarik termasuk ladang dan berbagai produk sebagainya untuk dipasang di lokasi strategik di sepanjang lebuhraya.
- Peruntukan tambahan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi kerjasama dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk pemasangan papan-papan tanda dan projek pemulihan tempat-tempat menarik yang memerlukan perhatian.
- Cadangan untuk mempertimbangkan bidang pertanian dan perikanan untuk ditawarkan dalam sektor pendidikan bagi menarik generasi baharu.

v. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Mumin

- Menyokong sepenuhnya atas dasar dalam peningkatan produktiviti, pemantauan dan pengawalan aktiviti dalam hutan.
- Cadangan untuk menggalakkan usaha-usaha menanam semula secara besar-besaran dan dipergiatkan bersama masyarakat di kampung-kampung, persatuan-persatuan, NGO dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampong (MPMK) agar dapat bersama-sama bergiat sebagai satu pemedulian.

- Cadangan untuk memberi peluang dan membantu pihak-pihak yang berminat untuk membuka perusahaan atau ladang tanaman alami sebagai salah satu hasil yang menyumbang pendapatan melalui aktiviti pertanian.
- vi. Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput
- Menyoalkan mengenai langkah-langkah yang telah dibuat serta perkembangan dalam menjadikan hutan simpan di kawasan Bukit Teraja sebagai taman hutan lestari, dan menyoalkan langkah penempatan binatang-binatang yang dikawal ditempatkan dikawasan tersebut bagi tujuan pembiakkan dan pemeliharaan.
 - Cadangan untuk mengadakan kolaborasi di antara Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan supaya taman-taman rekreasi dalam pengawasan Jabatan Perhutanan untuk diberi kebenaran kepada orang ramai menjual pelbagai jenis jualan.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung
- Mencadangkan agar dasar dan piawaian pelancongan khususnya penginapan inap desa tempatan untuk dikaji semula bagi menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan dan hendaklah dilaksanakan secara berfasa.
 - Mencadangkan untuk memberi kuasa kepada Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi membuat penelitian semula ke atas sektor pelancongan bertaraf industri kotej atau kampung dari aspek perkhidmatan, kemudahan dan keselamatan serta memberi kebenaran yang sewajarnya untuk terus beroperasi.
 - Mencadangkan piawaian dan syarat minimum kepada sektor pelancongan peringkat kampung

seperti penginapan dan Inap Desa dan Pelancongan berasaskan komuniti atau Community-Based Tourism (CBT).

viii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari

- Mencadangkan pelaksanaan *enforcement* peraturan dan undang-undang dalam bidang di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- Mencadangkan bagi penawaran kepada *Foreign Direct Investment* (FDI) atau *Government Linked Companies* (GLC) bagi memajukan tapak-tapak pelancongan yang berpotensi di seluruh negara.
- Menimbulkan isu-isu berkaitan Jabatan Perikanan seperti keselamatan belayar di Muara; mencadangkan bagi stesen minyak khas untuk kapal di perairan Danau; jambatan yang beratap, panas dan hujan menjejaskan hasil tangkapan; tempat melelong hasil tangkapan; *dockyard* bagi membaik pulih kapal; *ice house* bagi *cold storage*; cadangan jambatan tempat pendaratan ikan di Danau Tutong sebagai *hub centre* bagi pekelangan ikan; dan tempat membuang sampah dan sisa-sisa minyak tidak disediakan.
- Cadangan untuk menggalakkan tanaman komoditi export yang berpotensi untuk mempelbagaikan sumber fiskal negara.

ix. Yang Berhormat Awang Haji Hamid @ Sabli bin Haji Arsad

- Mencadangkan bagi diadakan satu skim kewangan bagi peladang-peladang untuk membangun bidang pertanian.
- Mencadangkan untuk dinilai semula skim subsidi pertanian bagi mengelakkan ketirisan.

- Memohon pertimbangan bagi:
 - Syarikat-syarikat pelancongan untuk dikecualikan daripada membayar cukai lesen tahunan selama tiga (3) tahun;
 - Untuk beroperasi daripada rumah persendirian bagi mengurangkan bebanan sewa;
 - Melanjutkan tempoh bayaran pinjaman bank; dan
 - Mengawal *operator* pelancongan persendirian yang tidak mempunyai lesen dan lindungan insurans bagi pelanggan.

- x. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon
 - Ingin mengetahui langkah-langkah dan usaha-usaha pihak kementerian dalam menjadikan sektor pelancongan sebagai satu budaya di negara ini.
 - Ingin mengetahui perancangan yang diatur oleh pihak kementerian untuk memastikan pelancongan domestik ini kekal berterusan.

- xi. Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis
 - Untuk megembalikan peranan Jabatan Perikanan bagi mengendalikan kursus dan latihan kepada belia-belia Majlis Perundingan Kampung dan Mukim dalam pemprosesan makanan laut seperti yang pernah dibuat sebelum ini.
 - Mencadangkan untuk menambah lot-lot kawasan ternakan ikan-ikan terapung di kawasan-kawasan bersesuaian khususnya sepanjang perairan Kampung Pudak dan Kampung Sungai Bunga dan memberikan keutamaan pemberian lesen kepada warga kampung berkenaan.
 - Menyoalkan mengenai dengan perancangan untuk memberikan peluang-peluang kepada

anak-anak tempatan berminat untuk diberikan bimbingan dalam penanaman pelbagai produk-produk berlainan seperti penanaman kurma, anggur, avokado dan lain-lain.

- Untuk menambah baik dan memperkukuhkan infrastruktur dan lanting-lanting khususnya di Kampung Sungai Bunga yang menjadi destinasi pelancongan peringkat serantau.
- Menyarankan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk terlibat secara langsung dalam merangka dasar-dasar berkaitan dengan pelancongan berasaskan sukan.

xii. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash`ari

- Menyoalkan mengenai dengan status jumlah pokok-pokok yang ditanam sejak BNCCP dilancarkan dalam mencapai sasaran untuk menanam 500,000 pokok baharu menjelang tahun 2035.
- Mencadangkan kepada Kementerian Sumber-Sumber selaku *leading* agensi bagi Strategi 2 BNCCP iaitu Liputan Hutan untuk membuat *'live counter'* di laman sesawang Kementerian bagi melihatkan jumlah pokok yang sudah ditanam bukan sahaja oleh Kementerian tetapi juga kementerian dan agensi-agensi lain bagi memperlihatkan jumlah pokok yang telah ditanam secara keseluruhannya.

xiii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim

- Mencadangkan supaya Jabatan Pertanian untuk meneliti semula dalam penghasilan lebih banyak produk pertanian supaya kurang bergantung dengan produk-produk dari negara luar dan meningkatkan *'food security'* negara.

- 2.1.3. Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

2.2. **KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan mukadimahny mengenai dengan hala tuju anggaran Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- 2.2.2. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad
 - Mencadangkan agar pendidikan agama dikaji semula dan mencadangkan untuk mempertimbangkan sistem bersepadu.
 - Ingin mengetahui tentang jumlah yang diperuntukkan bagi inovasi pendidikan agama.
 - Ingin mengetahui status pelaksanaan Skim Perkhidmatan Guru Ugama (SPGU) yang baru dan mencadangkan agar pendidikan yang bersesuaian serta pelajaran agama yang relevan dengan perubahan zaman boleh dipertingkatkan.
 - Mencadangkan untuk mengembang maju pelaksanaan dan penggunaan wakaf wang tunai.
- ii. Yang Berhormat Awang Haji Hamid @ Sabli bin Haji Arsad

- Mencadangkan untuk memastikan produk yang diragui kehalalannya untuk diasingkan.
- Mencadangkan untuk melarutkan pengiktirafan kehalalan kepada semua produk makanan, *pharmaceutical* dan kecantikan yang di datangkan dari luar negeri.
- Mencadangkan agar pihak tertentu melipatgandakan lawatan ke supermarket terutamanya ke gudang penyimpanan.
- Mencadangkan bagi menempatkan pegawai halal dan haram ke semua tempat kemasukan udara dan laut.
- Meningkatkan usaha penguatkuasaan halal-haram termasuk ke kedai-kedai runcit.

iii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari

- Mencadangkan agar kutipan zakat yang komprehensif boleh dilaksanakan dan mewujudkan sebuah program yang memperkasa menunaikan zakat kebangsaan.
- Ingin mengetahui tentang status terkini kejayaan Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) dan mencadangkan agar fokus pihak PROPAZ boleh mencipta skim latihan dan pendapatan lesen memandu kebangsaan, khususnya bagi lesen-lesen memandu kenderaan komersial.
- Ingin mengetahui sejauh mana *Standard Operating Procedure* (SOP) Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan dalam pengambilan tenaga pengajar di institusi pendidikan tinggi bagi memastikan tenaga pengajar ini dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
- Mencadangkan agar khutbah-khutbah Jumaat boleh mengikut keadaan dan isu semasa serta boleh memberikan penjelasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang kurang jelas.

- iv. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon
 - Mencadangkan untuk meningkatkan usaha dalam memberigakan kewajipan pembayaran zakat fitrah dan zakat harga, dan meningkatkan usaha dalam mengupayakan kaedah pembayaran zakat secara sistematik dan teratur.

- v. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman
 - Memohonkan pencerahan mengenai dan strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama berkaitan persekolahan kanak-kanak istimewa dan pencerahan mengenai langkah-langkah yang diambil bagi menangani isu persekolahan kanak-kanak istimewa yang kebanyakannya tidak dapat meneruskan persekolahan agama.
 - Mencadangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya Unit Pendidikan Khas bagi mengambil graduan aliran guru agama terlatih dengan pendidikan khas.
 - Ingin mencadangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk melihat keadaan dan kesukaran guru-guru yang mengajar penuntut keperluan khas dan mencadangkan agar guru-guru pendidikan khas diberi elaun khas.
 - Memohon pencerahan mengenai kekeliruan Akta Pendidikan Wajib.

- vi. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong
 - Mencadangkan tambahan jawatan pegawai masjid, sama ada imam ataupun bilal bagi menangani isu kekurangan pegawai masjid.
 - Mencadangkan agar Buku Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996 untuk dikemaskini supaya lebih relevan.

- Memohon peruntukkan untuk membina masjid baharu di Daerah Tutong untuk menggantikan Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin
 - Mencadangkan agar Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat mengumpulkan mengenai dengan hukum-hakam di dalam laman sesawang.
 - Memohon agar laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat dikemaskini mengikut tren agar segala maklumat dapat difahami.
- viii. Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis
 - Menyoalkan isu lantikan saksi penyembelihan yang terdiri daripada pegawai kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negeri dan jaminan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi menangani isu berbangkit daripadanya.

**[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA
23 MAC 2021 JAM 9.30 PAGI]**
